



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (31 MEI 2024) —SUHAKAM telah diwakili oleh Pesuruhjaya Prof. Datuk Noor Aziah Mohd Awal pada sesi ke-88 pendengaran Jawatankuasa CEDAW di Geneva mengenai penghapusan diskriminasi terhadap wanita.

Jawatankuasa CEDAW adalah sebuah badan bebas yang memantau pelaksanaan Konvensyen mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Triti undang-undang -undang antarabangsa untuk wanita ini telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB pada tahun 1979 dan mula berkuat kuasa pada tahun 1981. Malaysia meratifikasi Konvensyen itu pada tahun 1995 dan sebagai Negara Pihak, prestasinya akan dinilai semula oleh PBB setiap empat tahun.

SUHAKAM memuji kerajaan Malaysia menghantar delegasi yang diketuai oleh Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, YB Nancy Shukri dengan diiringi oleh pegawai kanan Kementerian. Jawatankuasa menzahirkan penghargaan mereka atas kehadiran Yang Berhormat Menteri dan mengambil maklum perkembangan undang-undang dan cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan, termasuk perkembangan positif iaitu penggubalan Akta Anti Gangguan Seksual 2022 [Akta 840], pindaan Akta Kerja (Pindaan) 2022, dan pengenalan Undang-Undang Menghendap (anti-stalking) dalam Kanun Keseksaan. Kerajaan mengakui akan cabaran yang berterusan, terutamanya keperluan untuk perwakilan wanita yang lebih baik di Parlimen.

SUHAKAM telah diberikan lima minit untuk menyampaikan kenyataan intervensi pada sesi pendengaran dan mengakui langkah-langkah positif yang diambil oleh Malaysia untuk pematuhan Konvensyen tersebut. Semasa sesi perbincangan, Jawatankuasa mengajukan beberapa soalan, termasuk reservasi Malaysia pada Artikel 9(2) dan 16(1) (a), (c), (f), dan (g) CEDAW serta status pengesahan protokol pilihan CEDAW. Antara isu lain yang dibincangkan termasuk penyelarasan undang-undang Syariah dan sivil, keberkesanan Akta Keganasan Rumah Tangga, langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan tanpa kewarganegaraan dalam kalangan wanita, penyahjenayahuan luar nikah yang dicadangkan kepada Akta Pendidikan, pengenalan Bahasa Orang Asal/Asli sebagai bahasa pengantar di sekolah, khidmat penjagaan yang tidak dibayar, kesan perubahan iklim, dan kebijakan banduan akhir wanita. Jawatankuasa menekankan bahawa Kerajaan harus memberi tumpuan kepada dasar dan undang-undang yang akan memberi manfaat kepada semua wanita, terutamanya mereka daripada golongan rentan.

Sebelum prosiding rasmi dijalankan, pada 20 Mei, SUHAKAM telah mengemukakan kenyataan terperinci dalam sesi tidak rasmi dengan Jawatankuasa. Antara isu yang diketengahkan oleh SUHAKAM adalah isu kewarganegaraan, khitan kanak-kanak perempuan, perkahwinan kanak-kanak, dan gangguan seksual. SUHAKAM menggesa Malaysia untuk melibatkan pihak berkepentingan secara berkala untuk mengenal pasti kekurangan dan mencadangkan langkah-langkah ke hadapan untuk mengatasi reservasi yang masih ada.

SUHAKAM memuji komitmen oleh Kerajaan Malaysia terhadap proses pelaporan CEDAW dan berharap cadangan Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai pemangkin dalam memajukan lagi hak wanita dan agenda hak asasi manusia yang lebih meluas di Malaysia.

-TAMAT-

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
31 Mei 2024**